

16/03/2002

Henti tambak laut: TPM (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan meminta Singapura menghentikan kerja penambakan laut di perairan Selat Tebrau jika kajian yang dilakukan terbukti memberi kesan buruk kepada negara ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia membuat kajian di kawasan itu bagi menentukan sejauh mana kerja menambak pantai mengugat sistem ekologi, menyempitkan laluan kapal dan menyebabkan selat semakin cetek.

"Semua ini bergantung kepada maklumat yang kita peroleh daripada kajian itu nanti. Kalaulah tindakan mereka itu terbukti benar-benar menjejaskan, maka permintaan atau desakan kita ialah supaya mereka berhenti.

"Kalau tidak, tentulah masalah itu akan bertambah lagi. Tetapi yang pentingnya ialah kita perlu mendapat semua maklumat itu," katanya selepas menghadiri perhimpunan Sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini, hari ini.

Abdullah berkata, Malaysia akan menghantar nota bantahan selepas selesai kajian yang sedang dibuat di kawasan itu. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila kajian itu akan selesai.

"Selepas itu, kita akan hantar terus nota kepada kerajaan Singapura, memberi maklumat yang kita perolehi. Kita juga akan memberitahu pendirian kita mengenai perkara ini," katanya.

Kelmarin, Datuk seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura yang mulanya menolak dakwaan Malaysia mengenai kesan buruk penambakan laut di perairan Selat Tebrau, kini mengaku wujud masalah daripada kegiatan berkenaan.

Perdana Menteri yakin isu berhubung penambakan laut oleh Singapura itu dapat diselesaikan secara baik jika kedua-dua pihak ikhlas.

Difahamkan tindakan Singapura menambak pantai yang menghadap Selat Tebrau termasuk di Pulau Tekong menyebabkan laluan kapal ke Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas semakin sempit selain menjejaskan sistem ekologi di kawasan itu.

Isnin lalu, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong yang memberi jaminan pihaknya akan mengkaji nota bantahan Malaysia berkaitan kebimbangan mengenai projek penambakan laut oleh republik itu menegaskan, kegiatan itu adalah haknya serta tidak menjejaskan sempadan kedua-dua negara.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir dan Abdullah dalam pertemuan berasingan dengan Lee, menyuarakan kebimbangan Malaysia mengenai isu itu dan akan menghantar nota bantahan.

Sementara itu, Lee yang mengakhiri lawatan empat harinya ke Malaysia semalam berkata hubungan antara kedua-dua negara akan memberi lebih banyak faedah sekiranya perselisihan dapat dikurangkan

"Saya harap ia akan bertambah baik, tapi saya tidak nampak (akan berlaku) perubahan mendadak, dramatik dan kualitatif," katanya dipetik oleh Straits Times sebagai berkata kepada wartawan Singapura di sebuah bukit peranginan di luar Kuala Lumpur.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Malaysia berhubung tindakan Singapura melakukan kerja-kerja penambakan tanah di Selat Johor, Lee mengulangi kenyataan bahawa Singapura bertindak mengikut haknya dan ia selaras dengan undang-undang antarabangsa.

"Jika anda melakukan sesuatu berdasarkan kepada sensitiviti, di mana anda bermula dan di mana pula akan berakhir? Apakah asas yang menentukan apa yang boleh dibuat oleh siapa? Kita percaya kita buat apa yang menjadi

hak kita. Kita bukan ingin mencari pertelingkahan atau konfrontasi,"  
katanya.

(END)